

Pengguna perlu cakna logo halal diiktiraf JAKIM

Kuala Lumpur: Pengguna perlu cakna dan melaksanakan tanggungjawab masing-masing dalam pembelian produk halal yang diimport.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman, tidak menafikan logo pensijilan halal antarabangsa sangat banyak dan sentiasa dikemas kini oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Bagaimanapun, katanya, pengguna tetap perlu memiliki sikap mengambil tahu dengan memanfaatkan kemudahan seperti senarai logo halal berbentuk format dokumen mudah alih dan aplikasi halal yang dibangunkan bagi memudahkan capaian terhadap maklumat.

"Lambakan produk import yang diragui status halal banyak berlaku. Membabitkan makanan, JAKIM tidak boleh menghalang kemasukan produk mempunyai logo halal.

"Setiap tahun JAKIM mengadakan persidangan dengan badan



guna tempatan.

"Ada banyak aplikasi bagi mengenal pasti kesahihan halal sesuatu produk ini antaranya Verify Halal dan Smart Halal. Rata-ratanya bekerjasama dengan JAKIM kerana badan itu mempunyai senarai lebih terperinci mengenai produk halal ini.

"Oleh kerana produk halal kerap dikemas kini atas pelbagai faktor, JAKIM perlu juga membuat pengumuman menerusi media mengenai perkembangannya," katanya.

Di Bangi, pensijilan halal luar negara yang diiktiraf JAKIM menepati piawaian dan kualiti ditetapkan badan itu.

Bagaimanapun, JAKIM tidak dapat menghalang produk dengan tanda halal yang bukan diiktiraf badan itu masuk ke negara ini.

Justeru, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mohd Yusof, berkata pengguna perlu membuat pilihan membeli produk yang diyakini halal.

"Kita tidak meletakkan syarat

halal itu mestilah halal Malaysia. Ada produk yang masuk ke negara ini mungkin mendapat pengiktirafan halal dari negara lain.

"Terpulang bagaimana pengguna meyakini halal itu. Jika memilih halal Malaysia juga, ia disebabkan piawaian dan kualiti yang ditetapkan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri program Nadwah Kemimpinan Mahasiswa Rahmah (NAD) 2019 di sini, semalam.

Ketika ini, sebanyak 79 badan pensijilan halal luar dari 45 negara diiktiraf JAKIM.

Mujahid menjelaskan, ada negara mempunyai beberapa pensijilan halal, berbanding Malaysia yang hanya dikeluarkan satu badan.

"Mungkin itu faktornya tapi kita tidak campur tangan dalam urusan berkenaan.

"Bagaimanapun, pengguna boleh menyemak dalam sistem MYE-HALAL mengenai siapa yang disenaraikan menerusi status halal JAKIM atau sebaliknya," katanya.

Keratan akhbar BH semalam.

halal untuk mengemas kini status dan sebagainya, jadi isu ini tidak timbul.

"Bagaimanapun, pengguna kena tahu logo halal diiktiraf JAKIM walaupun senarainya panjang.

"Muat turun senarai logo halal itu ke dalam telefon untuk sim-

panan demi kemudahan sendiri bagi melihat kesahihan logo halal sesuatu produk," katanya ketika dihubungi BH, di sini, semalam.

Mohd Yusof berkata, aplikasi imbasan bagi mengenal pasti kesahihan status halal turut dibangunkan untuk kegunaan peng-